

# Kedudukan Pengerusi PKR Sabah belum diputus

BERITA HARIAN 21 APR 2024 m/s: 2

**Kota Kinabalu:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan belum ada sebarang keputusan dibuat berhubung kedudukan Datuk Sangkar Rakam selaku Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Sabah, susulan kemelut kepemimpinan yang melanda PKR negeri ketika ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden PKR berkata, beliau bagaimanapun akan membuat keputusan dalam masa terdekat selepas berunding dengan semua Ketua Cabang PKR negeri.

Katanya, Ketua Cabang PKR negeri juga sudah memberi pandangan mengenai soal kepemimpinan, namun keputusan mengenai kedudukan Pengerusi MPN Sabah hanya akan dibuat

selepas konsultasi pada peringkat pusat.

“Mengenai pimpinan, mereka sudah beri pandangan pelbagai mengenai kedudukan dan saya akan beri keputusan dalam masa singkat selepas berunding dengan Ketua Cabang,” katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan

Perjumpaan Khas MPN Sabah, pagi, semalam.

Perjumpaan bermula jam 8.30 pagi itu dihadiri semua Ketua Cabang di Sabah, termasuk Sangkar dan Naib Presiden



Sangkar Rakam

PKR, Awang Husaini Sahari.

PKR Sabah berdepan kemelut kepemimpinan apabila 15 Ketua Cabang diketuai Ketua Cabang Kota Marudu, Sazalye Donol Abdullah awal bulan lalu mengumumkan hilang kepercayaan terhadap Sangkar sebagai Pengerusi MPN Sabah dan meminta beliau mengundurkan diri.

Anwar ketika ditanya lanjut berkata, beliau akan mempertimbangkan nama yang dicadangkan untuk jawatan Pengerusi MPN Sabah, namun enggan

mendedahkan jika ada nama yang digugurkan.

## Dibincang peringkat pusat

Sementara itu, Ketua Penerangan PKR, Fahmi Fadzil ketika mengulas isu sama memaklumkan tiada nama spesifik dibincangkan berkaitan kepimpinan MPN Sabah pada pertemuan khas bersama Perdana Menteri semalam.

Beliau berkata, proses pemilihan Pengerusi MPN PKR negeri sama seperti yang berlaku sebelum ini di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, dengan Sabah juga tidak terkecuali, iaitu akan dibincangkan pada peringkat pusat.

“Mengikut proses, presiden

parti (Anwar) perlu mengadakan sesi konsultasi bersama ketua cabang dan proses itu sudah berjalan. Selepas ini, presiden mengikut kelaziman akan bawa hasil perbincangan dan keputusan ke mesyuarat pimpinan pusat dan mesyuarat berikutnya diadakan esok.

“Terpulang kepada presiden. Kita ada mesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan. Bergantung kalau presiden merasakan perlu sedikit masa untuk berbincang lanjut mungkin mengenai Sabah atau MPN negeri lain yang ingin disekalikan.

“Mungkin kita akan dapat keputusan esok atau mesyuarat MPN akan datang,” katanya.